

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Saran Malaysia jadi pusat teknologi tinggi	Harian Metro
2	Bangunkan teknologi robotik	Utusan Malaysia
3	Melahirkan robot tempatan	Utusan Malaysia
4	TPM terajui industri robotik tempatan	Utusan Malaysia
5	KIPSAS penuhi kriteria SIRIM, UKAS	Berita Harian

Saran Malaysia jadi pusat teknologi tinggi

Kuala Lumpur: Masers Energy Malaysia Sdn Bhd (Masers Energy), syarikat tempatan yang terbabit dalam teknologi grid pintar dan tenaga boleh diperbaharui (RE) menyarankan agar Malaysia dijadikan pusat teknologi tinggi bagi industri tertentu sekali gus menggalakkan lebih banyak kemasukan pelaburan teknologi dan berimpak tinggi.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Suhaimi Abdul Rahman berkata, langkah itu akan menarik minat usahawan tekno menceburi bidang berkenaan dan memberi galakan kepada pelabur dalam serta luar negara menjadikan negara ini sebagai pilihan utama.

Beliau berkata, antara usaha boleh dilakukan ialah membangunkan infrastruktur bandaraya karbon untuk memberikan kesan penggunaan karbon yang rendah dan menggalakkan projek karbon yang akan mena-



SUHAIMI saran Malaysia jadi hab teknologi tinggi bagi industri tertentu.

warkan lebih banyak peluang pekerjaan berkaitan serta pada masa sama mewujudkan satu bentuk sumber ekonomi baru kepada negara.

“Usaha sama ini juga boleh dilaksanakan menerusi kerjasama awam-swasta terutama bagi projek mega yang melibatkan kepentingan awam bertujuan menarik taraf infrastruktur awam dan ini mungkin

dapat dilakukan dengan pembabitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang boleh menyediakan dana untuk tujuan ini,” katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak dalam pembentangan Bajet 2015 berkata, dalam menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi dan lebih tertumpu, pakej galakan lebih istimewa akan ditawarkan un-

tuk projek pelaburan yang berasaskan teknologi, inovasi dan pengetahuan, membabitkan pekerja berkelayakan tinggi dan berpengetahuan, dengan gaji yang tinggi.

Beliau berkata, Kerajaan turut memperuntukkan RM1.3 bilion kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi melaksanakan program berkaitan antaranya, menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM290 juta bagi menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berimpak tinggi.

Suhaimi berkata, kerajaan juga boleh mewujudkan dana permulaan yang amat terhad ketika ini bagi menggalakkan sektor kewangan tempatan untuk memberi tumpuan kepada pelaburan teknologi-tinggi seperti usaha kerajaan untuk mencapai ke arah ‘negara bebas karbon’ yang menjadi teras Bandar Raya Grid Pintar menjelang 2030.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

mega

A yellow industrial robotic arm is the central focus of the image. It is a multi-jointed arm with a gripper at the end, mounted on a metal frame. The arm is positioned over a table that holds several cylindrical objects, some brown and one white. The background shows a laboratory or industrial setting with white walls and a window.

Bangunkan teknologi robotik

TECHNOLOGY Park Malaysia (TPM) membangunkan teknologi robot sebagai sebahagian daripada usaha ceburi industri teknologi tinggi.

